

**BERITA ONLINE
BERITA RTM
TARIKH : 30 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**



**'Mobile Fix' bantu pendawai elektrik penduduk
terjejas banjir di Pahang, Selangor dan KL**

- December 30, 2021
- Written by Media Baharu
- Published in Semasa



KUANTAN, 30 Disember - Program 'Mobile Fix' oleh Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), kini digerakkan bagi kerja pemeriksaan pendawaian elektrik secara percuma di kediaman penduduk terjejas banjir di Pahang, Selangor dan Kuala Lumpur.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, program dilaksana bagi memastikan kediaman yang ditenggelami banjir adalah selamat daripada sebarang litar pintas.

Menurut beliau, pihak YIM turut membantu membaik pulih kerosakan peralatan elektrik dan elektronik, serta memberi khidmat nasihat mengenai penggunaan barangan yang ditenggelami air banjir.

"Kerana di kawasan ini air naik lebih kurang 6 kaki dan melibatkan banyak terkesannya alat elektrik. Jadi dengan adanya peserta-peserta atau pakar-pakar dalam membaik pulih alat-alat elektrik serta soket letrik kita memberi bantuan kepada penduduk di sinilah. Ini sebahagian daripada usaha MOSTI turun ke padang untuk membantu mangsa-mangsa banjir".

Dr Adham berkata demikian selepas program penyerahan bantuan banjir Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Sungai Pandan, di sini.